



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENERBITAN *SUMMARY OF THE MALAYSIA NATIONAL CANCER REGISTRY REPORT 2017-2021*

Kanser terus meningkat sebagai penyakit kronik, berdiri sebagai penyebab kedua utama kematian di seluruh dunia (9.7 juta kes) pada tahun 2022. Di Malaysia, kanser telah meningkat kepada penyebab ketiga kematian (15.2 ribu kes) pada tahun 2022, meningkat daripada kedudukan keempat pada 2021. Data kanser terkini di Malaysia adalah penting untuk memandu, merancang dan melaksanakan langkah yang lebih berkesan untuk pencegahan, kawalan dan rawatan kanser.

Untuk mencapai matlamat ini, Registri Kanser Kebangsaan Malaysia (MNCR) telah ditubuhkan pada 2007, bermula dengan pelaporan manual. Sepanjang tempoh 2007 hingga 2018, dua (2) laporan lima tahun telah diterbitkan untuk menggambarkan beban kanser di Malaysia. Pada 2018, pelaporan kes kanser dalam talian melalui laman sesawang *Malaysian Health Data Warehouse* telah diperkenalkan bagi memperkemas proses pengumpulan data. Selain itu, pekeliling pada tahun 2020 mewajibkan pelaporan kanser dalam talian, yang membawa kepada peningkatan ketara dalam kes yang dilaporkan kepada MNCR.

Berikutan perkembangan tersebut, Jabatan Registri Kanser Kebangsaan di Institut Kanser Negara (IKN) telah berjaya menerbitkan laporan 5-tahun ketiga bertajuk “Summary of the Malaysia National Cancer Registry Report 2017-2021” dalam format e-book. E-buku ini menyediakan ulasan menyeluruh tentang beban dan tren kejadian kanser di Malaysia. Ia dihasilkan berdasarkan “Summary of the Malaysia National Cancer Registry Report 2012-2016” yang terdahulu.

Dari 2017 hingga 2021, 10 jenis kanser yang paling kerap dikesan dalam kalangan rakyat Malaysia, disenaraikan mengikut keutamaan adalah kanser payudara, kanser kolorektal, kanser paru-paru, limfoma, kanser hati, kanser prostat, leukemia, kanser nasopharynx, kanser rahim dan kanser ovari. Analisis mengikut jantina mendedahkan bahawa kanser kolorektal mencatatkan insiden kanser tertinggi dalam kalangan lelaki, diikuti oleh kanser paru-paru dan kanser prostat. Dalam kalangan wanita, kanser payudara mempunyai insiden tertinggi, diikuti oleh kanser kolorektal dan kanser paru-paru.

Perlu diperhatikan bahawa terdapat perubahan positif dalam kejadian kanser pangkal rahim di Malaysia yang menurun secara konsisten daripada 7.6 setiap 100,000 wanita pada 2007-2011, kepada 6.2 setiap 100,000 wanita pada 2012-2016, dan seterusnya turun kepada 6.0 setiap 100,000 wanita pada 2017-2021. Usaha memerangi kanser pangkal rahim di Malaysia bermula dengan pengenalan saringan pap smear pada tahun 1969, yang kemudiannya diberi secara percuma di fasiliti kesihatan kerajaan di seluruh negara bermula pada tahun 1998. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah menerima pakai kaedah pensampelan sendiri menggunakan kit ujian pengesanan HPV (Human Papillomavirus) sebagai sebahagian daripada usahanya ke arah

penghapusan kanser pangkal rahim. Usaha kerjasama pelbagai pihak berkepentingan selain KKM, termasuk wakil komuniti, universiti, fasiliti kesihatan swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan, amat berharga. Menurut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, liputan pemeriksaan pap smear dalam kalangan wanita berumur antara 30 hingga 65 tahun diperluaskan daripada 23.1% pada 2019 kepada 43.2% pada 2023. Usaha ini mencerminkan kemajuan ketara dalam meningkatkan kesedaran dan akses kepada perkhidmatan pemeriksaan kanser serviks yang berkesan menyumbang kepada penurunan dalam insiden. KKM juga meramalkan penurunan berterusan kes kanser serviks apabila generasi yang divaksinasi terhadap HPV, matang pada tahun-tahun akan datang.

Bagaimanapun, peratus kes kanser yang dikesan pada tahap 3 dan 4 telah meningkat kepada 65.1 peratus pada 2017-2021 daripada 63.7 peratus pada 2012-2016. Tren ini membimbangkan, seperti yang diperjelaskan dalam 'Malaysian Study on Cancer Survival' terbitan Oktober 2018, yang menekankan tentang kadar kelangsungan hidup (survival) yang lebih rendah dengan pengesanan kanser yang lewat. Oleh itu, memupuk kerjasama pelbagai pihak adalah penting untuk mengenal pasti ruang bagi meningkatkan kesedaran komuniti dan akses kepada pengesanan dan rawatan awal.

Secara amnya, Malaysia menyaksikan peningkatan ketara dalam kes kanser yang dilaporkan dari 2017 hingga 2021, sebahagiannya disebabkan oleh pelaksanaan sistem notifikasi baharu dan arahan pekeliling. Walaupun begitu, Malaysia terus bergelut dengan beban kanser yang besar. Oleh itu, adalah penting bagi pihak berkepentingan untuk terlibat secara aktif dalam pencegahan, kawalan dan rawatan kanser dengan memanfaatkan data ini secara strategik dalam perancangan.

Melangkah ke hadapan, KKM menyasarkan untuk menambah baik ketepatan masa laporan MNCR. Usaha akan ditumpukan kepada penerbitan yang lebih kerap, mungkin beralih kepada laporan dwitahunan dan akhirnya secara tahunan. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan data yang terkini dan boleh diambil tindakan bagi menjelaskan strategi bersasar dan meningkatkan hasil dalam pencegahan dan penjagaan kanser. Sepanjang usaha ini, KKM akan mengekalkan ketepatan dan kelengkapan maklumat bagi memastikan integriti dan kebolehpercayaan data.

Untuk akses kepada semua laporan dan e-buku yang baru diterbitkan, sila layari laman sesawang IKN (<http://nci.moh.gov.my>) atau laman sesawang KKM (<http://moh.gov.my>).

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

19 JULAI 2024